

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOON HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 4 DISEMBER 2019

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan butiran-butiran pengecualian 54 barang kargo daripada perlunya "*Approved Permit*" (AP) bagi aktiviti "*transshipment*" di pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Apakah tindakan yang akan diambil bagi mengawal dan membanteras aktiviti penyeludupan barangan "*transshipment*" seperti beras dan gula.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 29 Ogos 2019 Kerajaan telah bersetuju sebanyak 54 jenis barangan dikecualikan syarat lesen, permit atau lesen import barangan kargo/komoditi sebagaimana dalam Jadual Ketiga, Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 bagi aktiviti *transshipment* melalui kontena *Full Container Load* (FCL) di pelabuhan yang mempunyai status zon perdagangan bebas (*Free Trade Zon – FTZ*).
2. Manakala, sebanyak 20 jenis barangan dikekalkan daripada penguatkuasaan syarat lesen, permit atau lesen import memandangkan barangan kargo/komoditi yang dimaksudkan tersebut melibatkan aspek keselamatan, dasar konvensyen antarabangsa dan kawalan penyakit dalam Jadual Ketiga, Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.
3. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju bahawa kesemua 54 jenis barangan yang dikecualikan tersebut adalah merujuk kepada barangan kargo/komoditi yang berkait rapat dengan aktiviti *transshipment* di pelabuhan-pelabuhan seluruh negara untuk destinasi pasaran antarabangsa dan bukannya untuk dijual atau digunakan dalam pasaran tempatan.
4. Kementerian Pengangkutan telah menyusuli tindakan yang perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi Kerajaan yang berkaitan bagi maksud menyelaraskan dan menguatkuasakan ketetapan berkenaan agar keputusan tersebut dapat dilaksanakan sebaik mungkin.
5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, isu penguatkuasaan terhadap aktiviti penyeludupan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan bantuan jabatan/agensi penguatkuasaan Kerajaan lain yang berkaitan. JKDM dimaklumkan sedang mengambil tindakan sewajarnya dengan jabatan/agensi berkaitan bagi mengelakkan aktiviti penyeludupan

NO. SOALAN: 3

barangan "*transshipment*" termasuk komoditi seperti beras dan gula di pelabuhan-pelabuhan dan juga di pintu masuk sempadan negara.

Sekian, terima kasih.